



Rujukan : UKM.PDF.100-1/3/1

Tarikh : 15 Julai 2024

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 14/2024

**SEMUA WARGA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PENAMATAN ARAHAN PERINTAH PENGAWASAN DAN PEMERHATIAN (HSO) ATAU
ARAHAN KUARANTIN BAGI PESAKIT COVID-19**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Selaras dengan arahan Kementerian Kesihatan Malaysia pada 5 Julai 2024, individu positif COVID-19 tidak lagi diberikan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian (HSO) melalui MySejahtera atau arahan kuarantin di rumah berkuat kuasa **15 Julai 2024**. Individu yang mempunyai gejala akan dirawat sepertimana jangkitan saluran pernafasan yang lain. Individu atau warga yang disahkan positif COVID-19 adalah dimohon untuk memakai pelitup muka, meminimumkan interaksi sosial dan mengelakkan tempat sesak bagi mengurangkan risiko penyebaran penyakit.

3. Sehubungan dengan itu, Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil. 14/2022 mengenai COVID-19: Tata Cara Pengurusan dan Pengesanan Kes COVID-19 dan Kontak Rapat Bagi Staf Universiti Kebangsaan Malaysia adalah dibatalkan. Bersama-sama ini, dilampirkan infografik dan soalan lazim 'Hidup Bersama COVID-19' sebagai rujukan. Sebarang pertanyaan lanjut, YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/Tuan/Puan boleh hubungi:

BIL.	NAMA	NO. TEL / E-MEL
1.	Dr. Masdalina Azhari Pengarah Pusat Kesihatan Universiti	No. Tel: 03-8921 5403 e-mel: pghpku@ukm.edu.my
2.	Cik Najatulmuna Hamdan Ketua Penolong Pendaftar/Ketua Bahagian Pentadbiran dan Kemudahan Jabatan Pendaftar	No. Tel: 03-8921 5075 e-mel: kbpk@ukm.edu.my

Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PEJABAT PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4888 8 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Web: <https://www.ukm.my/pendaftar/>

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my

Sekian, terima kasih.

"ILMU, MUTU DAN BUDI"

Yang benar,



HAJI ZANUDIN MOHD. DAUD
Menjalankan Fungsi Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang
 - Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz
 - Pengarah, Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani
 - Hospital Pakar Kanak-kanak UKM



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PEJABAT PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4888 8 E-mel: pdftar@ukm.edu.my Web: <https://www.ukm.my/pendaftar/>

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my